MANU Bil. 37 (2), 147-162, 2026 (December)
*E-ISSN 2590-4086**© Muhammad Naim Ahmad Juhari, Ramli Dollah, Hafiza Nur Adeen Nor Ahmad*

KESELAMATAN ALAM SEKITAR DAN FENOMENA ANCAMAN PENYELUDUPAN HAIWAN LIAR YANG DILINDUNGI DI MALAYSIA, 2010-2023

[1]MUHAMMAD NAIM BIN AHMAD JUHARI
[2*]RAMLI DOLLAH
[3]HAFIZA NUR ADEEN NOR AHMAD

[1,2,3] Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
**Corresponding author: ramlid@ums.edu.my*

Dihantar/Received: 30 October 2025 | Penambahbaikan/Revised: 7 April 2026
Diterima/Accepted: 3 August 2026 | Terbit/Published: 15 October 2026
DOI: https://doi.org/10.51200/manu.v37i1.6758

Abstrak Kajian ini meneroka bahawa isu penyeludupan haiwan liar yang dilindungi disifatkan sebagai satu fenomena ancaman keselamatan alam sekitar. Isu ini juga dicerminkan sebagai satu isu yang tidak hanya mendatangkan kesan domestik semata-mata, bahkan ia mampu mencapah kepada antarabangsa. Bahkan *ASEAN on Transnational Crime* turut meletakkan penyeludupan haiwan sebagai salah satu dari lapan jenayah yang perlu diberi perhatian sebaris dengan jenayah-jenayah rentas sempadan yang merujuk kepada penyeludupan dadah, penggubalan wang haram, jenayah siber, keganasan perlanunan, jenayah siber, jenayah ekonomi, penyeludupan migran dan pemerdagangan orang. Kajian ini memberi fokus akan sejauhmana isu berkaitan ancaman alam sekitar seumpama ini turut menjadi isu penting apabila membincangkan disiplin keselamatan. Justeru, kajian ini akan cuba melihat fenomena dan keseriusan isu berkaitan penyeludupan haiwan liar yang dilindungi di Malaysia.

Kata kunci Penyeludupan haiwan yang dilindungi, Keselamatan alam sekitar, Jenayah rentas sempadan.

Abstract *This study explains that the issue of smuggling of protected wild animals is considered a phenomenon of environmental security threat. This issue is also reflected as an issue that does not only have a domestic impact, but it can also spread internationally. In fact, ASEAN on Transnational Crime also places animal smuggling as one of the eight crimes that need attention along with cross-border crimes which refer to drug smuggling, money laundering, cybercrime, sea piracy, cybercrime, economic crime, migrant smuggling and human trafficking. This study focuses on the extent to which issues related to environmental threats such as this are also an important issue when discussing security disciplines. This study will examine the phenomenon and severity of issues relate to the smuggling of protected wildlife in Malaysia.*

Keywords: *Protected wildlife smuggling, environmental security, and transnational crime.*

PENDAHULUAN

Selepas berakhirnya Perang Dingin pada awal 1990-an, paradigma keselamatan global mula berubah. Ancaman tradisional seperti konflik ketenteraan antara negara semakin berkurangan, dan perhatian mula beralih kepada isu-isu bukan tradisional yang sebelum ini telah diabaikan. Isu-isu seperti perubahan iklim, kemerosotan biodiversiti, bencana alam, dan penyebaran penyakit berjangkit mula diiktiraf sebagai ancaman serius kepada keselamatan manusia dan global.

Kesedaran mengenai isu-isu ini diperkukuh melalui pelbagai platform antarabangsa, terutamanya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang memainkan peranan penting dalam mempromosikan kerjasama secara global. Contohnya, Persidangan Rio pada tahun 1992 dan Perjanjian Paris pada tahun 2015 menandakan komitmen global untuk menangani perubahan iklim dan pemuliharaan alam sekitar (Aboubakr & Gohli, 2026).

Di Malaysia, isu alam sekitar semakin mendapat perhatian serius dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Sebagai sebuah negara yang kaya dengan sumber semula jadi dan biodiversiti, Malaysia menghadapi pelbagai cabaran alam sekitar, termasuk bencana seperti banjir besar, tanah runtuh, dan kemarau yang semakin kerap berlaku akibat perubahan iklim. Selain itu, penularan penyakit berjangkit seperti COVID-19 telah membuka mata banyak pihak tentang hubungan rapat antara kesihatan manusia dan alam sekitar. Pemuliharaan biodiversiti juga menjadi tumpuan penting, memandangkan Malaysia adalah salah satu daripada 17 negara yang dikategorikan sebagai "mega-kepelbagaian biologi" di dunia (Convention on Biological Diversity, 2020). Ancaman terhadap hidupan liar yang dilindungi ekoran dari jenayah penyeludupan merupakan salah satu dari isu keselamatan alam sekitar di Malaysia yang akan dibincangkan di dalam kajian ini. Oleh itu. kajian ini dijalankan bagi menjawab dua persoalan utama, iaitu;

1. Bagaimana jenayah berkaitan penyeludupan haiwan liar yang dilindungi dilihat penting sebagai ancaman keselamatan alam sekitar global?
2. Apakah bukti-bukti yang mempengaruhi fenomena penularan jenayah berkaitan penyeludupan haiwan liar yang dilindungi di Malaysia disifatkan sebagai serius dan merupakan sebagai satu bentuk ancaman keselamatan?

Oleh yang demikian, objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal kepentingan hubungkait fenomena penyeludupan haiwan liar yang dilindungi dengan ancaman keselamatan alam sekitar secara global.
2. Mengkaji bukti-bukti yang mempengaruhi fenomena berkaitan jenayah penyeludupan haiwan liar yang dilindungi di Malaysia berlaku.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Malaysia dikenali sebagai salah satu negara megadiversiti di dunia, menduduki tempat ke-12 di peringkat global berdasarkan Indeks Biodiversiti Nasional yang menilai kekayaan dan keunikan spesies tumbuhan dan haiwan. Malaysia merupakan negara yang memiliki sumber hutan yang penting kepada pembangunan sosioekonomi, di samping mempunyai ekosistem tropika yang paling kaya dengan biodiversiti di dunia. Liputan hutan negara merangkumi pelbagai jenis ekosistem seperti hutan dipterokarpa, hutan paya gambut, hutan bakau, hutan

kerangas dan hutan montane yang menjadi habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna. Sehingga tahun 2011, kira-kira 5.79 juta hektar daripada 13.18 juta hektar keluasan tanah di Semenanjung Malaysia masih diliputi hutan, termasuk hutan simpan kekal, kawasan perlindungan hidupan liar dan kawasan hutan lain yang mempunyai nilai ekologi yang tinggi (Osman et al., 2014).

Perkara ini selaras dengan komitmen Malaysia untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus liputan hutan pada masa hadapan, sebagaimana yang dinyatakan pada Sidang Kemuncak Bumi Rio 1992. Selain itu, 10.6 peratus kawasan tanah telah diwartakan sebagai kawasan terpelihara. Penggunaan tanah yang lain termasuk pertanian, ladang getah, ladang kelapa sawit dan kawasan bandar. Malaysia dianggarkan mempunyai sekitar 15,000 spesies tumbuhan vaskular, 306 spesies mamalia, 742 spesies burung, 242 spesies amfibia, 567 spesies reptilia, lebih 449 spesies ikan air tawar, lebih 500 spesies ikan marin, dan lebih 150,000 spesies invertebrata (WWF-Malaysia, n.d.). Manakala, pengaruh serta kepentingan haiwan liar digambarkan pula melalui penggunaan simbol haiwan liar tertentu pada logo atau simbol rasmi negara seperti Jata Negara dan jata negeri-negeri di Malaysia. Penggunaan imej hidupan liar sebagai logo atau lambang organisasi tidak hanya berfungsi sebagai identiti visual, bahkan melambangkan nilai tertentu seperti keberanian, kekuatan, ketangkasan dan kewibawaan yang ingin diterapkan oleh sesebuah institusi (Zhu & Ilsinger, 2023).



i. Harimau: Jata Negara, Jata Wilayah Persekutuan dan Jata Negeri Johor
ii. Gading gajah: Jata Negeri Pahang
iii. Kijang: Jata Negeri Kelantan
iv. Kancil: Jata Negeri Melaka
v. Burung Enggang: Jata Negeri Sarawak

Rajah 1
Contoh Jata Negeri Yang Menggunakan Haiwan Liar Sebagai Simbol

Jika melihat kepada kepentingan dan pengaruh hidupan liar seperti yang dibincangkan di atas, ia memperlihatkan bahawa aspek keselamatan alam sekitar turut menjadi agenda yang dipertimbangkan dalam proses pembuatan polisi negara. Sebagai contoh, di Malaysia, isu alam sekitar diberi perhatian serius dan diurus oleh kementerian serta agensi seperti Kementerian Sumber Asli dan Kelesterian Alam, PERHILITAN, dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Bahkan, instrumen undang-undang di negara ini turut diterapkan melalui akta-akta perlindungan hidupan liar, seperti Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Semenanjung Malaysia), Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1977 (Sabah), dan *Wildlife Protection Ordinance* 1998 (Sarawak). Pada masa kini, Malaysia melihat isu-isu keselamatan alam sekitar sebagai isu penting yang tidak hanya diurus oleh kementerian atau agensi tunggal sahaja, tetapi memerlukan kerjasama padu dari pelbagai agensi. Salah satu contoh yang relevan adalah apabila Kementerian Dalam Negeri turut memasukkan isu ancaman terhadap penyeludupan haiwan liar sebagai salah satu teras dalam pelan strategik kementerian tersebut. Perkara berkaitan usaha ini dinyatakan di dalam Pelan Strategik KDN, sebagaimana penyataan di bawah:



> *"Usaha untuk membanteras jenayah rentas sempadan yang merangkumi lapan (8) perkara sebagaimana yang digariskan di bawah ASEAN on Transnational Crime akan diperkukuh. Ini termasuk penyeludupan dadah, penggubalan wang haram, keganasan, pelanunan, penyeludupan senjata, penyeludupan migran dan pemerdagangan orang, jenayah ekonomi, jenayah siber serta penyeludupan haiwan dan hasil hutan." (Kementerian Dalam Negeri: 2021, 26)*

Berdasarkan petikan di atas, jelas bahawa isu berkaitan keselamatan alam sekitar merupakan isu yang turut memberi impak yang tersendiri khususnya kepada keselamatan di peringkat domestik sesebuah negara. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh kerjasama organisasi rantau dan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan juga rantau yang merujuk kepada ASEAN. Bahkan, isu penyeludupan haiwan liar kini dilihat sebagai satu dimensi keselamatan alam sekitar yang kian diberi keutamaan (Garber et al., 2024).

SOROTON LITERATUR

Teori keselamatan alam sekitar telah mengalami perkembangan yang tersendiri. Teori ini berfungsi sebagai instrumen untuk memahami proses pengklasifikasian sesuatu isu itu sebagai isu keselamatan alam sekitar. Ringkasnya, keselamatan alam sekitar adalah sesuatu yang ditakrifkan sebagai satu dimensi keselamatan yang merangkumi beberapa komponen iaitu keselamatan, konflik dan persekitaran (Dalby, 2002). Sementara itu, satu eleman yang turut dikaitkan di dalam disiplin kajian berkaitan keselamatan alam sekitar adalah merujuk kepada *conservation actor,* yang mana elemen ini merangkumkan unsur keselamatan, ancaman, politik, ekologi dan biodiversiti (Duffy, 2022). Elemen-elemen ini juga penting dalam menghurai dan menerangkan evolusi serta kedinamikan keselamatan alam sekitar, yang merupakan salah satu unsur turut penting apabila membicarakan mengenai keselamatan.

Perkara ini turut dikaitkan dengan peningkatan sumber air berikutan penambahan jumlah populasi (Oswald,1993) dan proses pruduktif yang tidak mampan yang kemudiannya memberi ancaman keselamatan kepada manusia dan ekosistem (Elliott, 2015). Hal ini juga menjadi pemangkin kepada isu-isu berkaitan keselamatan alam sekitar antarabangsa yang lainnya seperti pencairan ais di Antartika, peningkatan suhu rumah hijau sehingga membawa kepada penipisan lapisan ozon, pembalakan haram dan peningkatan ancaman flora dan fauna menerusi aktiviti pemburuan, serta penyeludupan dalam skala yang besar. Keadaan ini mampu mendatangkan impak yang negatif kepada biodiversiti.

Disiplin berhubung keselamatan alam sekitar ini turut dipelopori oleh beberapa kajian sarjana seperti Carson (2011), Duffy (2010), Barnett (2010), Floyd (2010) dan beberapa sarjana yang lainnya. Kajian-kajian ini penting dalam memperlihatkan bagaimana satu-satu isu keselamatan alam sekitar global itu perlu diberikan perhatian. Homer-Dixon (1994) misalnya menghujahkan bahawa alam sekitar memainkan peranan yang penting dalam memastikan kestabilan dan keselamatan berterusan. Kajian tersebut mengetengahkan satu senario di mana kekurangan sumber alam sekitar mampu membawa kepada risiko ancaman yang disifatkan sebagai ganas. Kekurangan sumber alam sekitar boleh berlaku dan ia berisiko dalam mempengaruhi ancaman keselamatan dari pelbagai sudut merangkumi politik, sosial, ekonomi dan ekologi.

Hough (2004) melihat isu alam sekitar digambarkan sebagai isu merentas sempadan. Masalah alam sekitar yang diketengahkan merujuk kepada pencemaran, banjir, keselamatan air, keselamatan makanan dan isu-isu yang dikelompokkan sebagai ekologi. Ringkasnya, dengan

menggunakan teori keselamatan alam sekitar, kajian ini menunjukkan senario yang berlaku dalam memahami bagaimana isu keselamatan alam sekitar seperti penyeludupan haiwan liar yang dilindungi boleh menjadi isu keselamatan di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara kajian kes bagi meneliti fenomena penyeludupan hidupan liar yang dilindungi. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk memahami isu yang kompleks seperti penyeludupan hidupan liar yang melibatkan pelbagai faktor seperti ekonomi, geografi dan penguatkuasaan. Melalui pendekatan ini, kajian dapat meneliti secara mendalam bagaimana aktiviti penyeludupan berlaku dari segi corak dan pendekatan.

Sumber data utama kajian ini diperoleh daripada rekod penguatkuasaan, laporan siasatan serta dokumentasi kes berkaitan penyeludupan hidupan liar yang dilindungi. Kajian ini turut menggunakan laporan organisasi antarabangsa, kajian akademik serta laporan media bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai fenomena perdagangan hidupan liar secara haram. Penggunaan pelbagai sumber ini membantu memastikan maklumat yang digunakan adalah lebih tepat dan boleh dipercayai.

Metode *elite interview* digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap fenomena penyeludupan hidupan liar yang dilindungi, khususnya daripada perspektif aktor yang terlibat secara langsung dalam peringkat dasar dan operasi. Pendekatan ini dianggap sesuai kerana ia membolehkan penyelidik mengakses pengetahuan, pengalaman serta pandangan strategik daripada individu yang mempunyai kedudukan, autoriti dan kepakaran dalam bidang berkaitan (Dexter, 2006; Harvey, 2011). Dalam konteks kajian ini, *elite interview* memberi ruang untuk memahami bagaimana isu penyeludupan hidupan liar ditanggapi bukan sahaja sebagai isu konservasi, tetapi juga sebagai ancaman keselamatan yang melibatkan dimensi jenayah rentas sempadan.

Selain itu, penggunaan *elite interview* turut membolehkan pengumpulan data yang bersifat kontekstual dan mendalam, terutamanya dalam isu yang kompleks dan sensitif seperti jenayah hidupan liar, yang sering kali sukar diperoleh melalui kaedah konvensional. Kaedah ini juga membolehkan penyelidik meneliti bagaimana dasar dan mekanisme penguatkuasaan dilaksanakan di lapangan, serta mengenal pasti cabaran sebenar yang dihadapi oleh agensi berkaitan. Seperti yang dihujahkan oleh Creswell dan Poth (2018), pendekatan kualitatif yang melibatkan temu bual mendalam adalah penting dalam memahami fenomena sosial yang kompleks kerana ia menekankan makna, interpretasi dan pengalaman aktor.

Dari sudut analitikal, dapatan daripada *elite interview* menyumbang kepada pengukuhan nilai akademik kajian dengan menyediakan bukti empirikal yang bersifat autoritatif dan berasaskan realiti operasi. Hal ini membolehkan kajian ini menghubungkan antara kerangka teori dan realiti praktikal, sekali gus memperkukuh hujah bahawa penyeludupan hidupan liar yang dilindungi bukan sekadar isu alam sekitar, tetapi juga merupakan ancaman keselamatan yang signifikan. Oleh itu, penggunaan metode ini bukan sahaja relevan dari segi akademik, malah penting dalam menyokong pembangunan dasar yang lebih efektif dan responsif terhadap cabaran semasa.

Kajian ini juga menggunakan perspektif keselamatan alam sekitar yang melihat penyeludupan haiwan liar yang dilindungi sebagai sebahagian daripada jenayah alam sekitar, yang mana berkait rapat dengan jenayah rentas sempadan. Aktiviti ini sering melibatkan rangkaian pelbagai pihak seperti pemburu haram, pengedar, pengangkut dan pembeli di pasaran antarabangsa (Wong, 2019). Oleh itu, penyeludupan hidupan liar bukan sahaja memberi kesan kepada biodiversiti.

KESELAMATAN ALAM SEKITAR DAN KESELAMATAN GLOBAL

Perkembangan konsep keselamatan dalam disiplin hubungan antarabangsa telah mengalami perubahan ketara sejak berakhirnya era Perang Dingin (Buzan, 1991). Jika sebelum ini keselamatan sering ditakrifkan secara sempit yang hanya tertumpu dalam kerangka ancaman ketenteraan terhadap negara, pendekatan kontemporari telah memperluaskan skop keselamatan dengan memasukkan pelbagai ancaman bukan tradisional, termasuk isu berkaitan alam sekitar. Dalam konteks ini, konsep keselamatan alam sekitar muncul sebagai satu pendekatan penting yang menekankan bahawa kemerosotan alam sekitar, kehilangan biodiversiti dan eksploitasi sumber semula jadi boleh membawa implikasi yang signifikan terhadap kestabilan politik, ekonomi dan sosial di peringkat global.

Berdasarkan pendekatan yang diperkenalkan oleh Barry Buzan dan Ole Wæver (1998), keselamatan tidak hanya terhad kepada dimensi ketenteraan, sebaliknya merangkumi beberapa sektor utama termasuk sektor alam sekitar. Dalam kerangka ini, ancaman terhadap alam sekitar boleh dilihat sebagai ancaman keselamatan apabila ia berpotensi menjejaskan kelangsungan kehidupan manusia, kestabilan negara serta keseimbangan ekosistem global. Oleh itu, isu-isu seperti perubahan iklim, kemusnahan habitat semula jadi dan eksploitasi biodiversiti perlu difahami sebagai sebahagian daripada spektrum ancaman keselamatan yang lebih luas.

Dalam perkembangan yang sama, sarjana seperti Simon Dalby (2002) menegaskan bahawa globalisasi telah meningkatkan tahap keterhubungan antara negara sehingga menyebabkan ancaman alam sekitar tidak lagi terhad dalam sempadan geografi sesebuah negara. Fenomena ini menjadikan isu alam sekitar sebagai cabaran global yang memerlukan kerjasama kolektif antara negara serta aktor bukan negara. Dalam konteks ini, keselamatan alam sekitar berkait rapat dengan dimensi keselamatan global kerana kesan daripada kerosakan alam sekitar sering merentasi sempadan negara dan memberi impak kepada komuniti antarabangsa secara keseluruhan.

Pengiktirafan terhadap kepentingan isu alam sekitar dalam agenda keselamatan global turut dilihat melalui pengenalan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*-SDGs) yang dipelopori oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2015. Inisiatif ini menekankan keperluan tindakan kolektif dalam menangani cabaran global termasuk kemiskinan, perubahan iklim, kemerosotan alam sekitar serta kehilangan biodiversiti. Melalui kerangka ini, isu alam sekitar tidak lagi dilihat sebagai isu sektoral yang terpisah, sebaliknya diintegrasikan dalam agenda pembangunan dan keselamatan global.

Secara khusus, Matlamat ke-15 SDGs yang memberi tumpuan kepada perlindungan ekosistem daratan dan biodiversiti menekankan bahawa ancaman seperti perdagangan hidupan liar secara haram merupakan salah satu cabaran utama terhadap kelestarian alam sekitar. Laporan oleh *United Nations Development Programme* menunjukkan bahawa perdagangan hidupan liar bukan sahaja menjejaskan biodiversiti, malah turut menyumbang kepada ketidakstabilan

keselamatan melalui pengukuhan rangkaian jenayah terancang, amalan rasuah serta eksploitasi sumber semula jadi secara tidak lestari (UNDP, 2023). Dalam konteks inilah penyeludupan haiwan liar boleh difahami sebagai satu bentuk ancaman keselamatan alam sekitar yang mempunyai implikasi melangkaui isu pemuliharaan semata-mata. Aktiviti ini sering melibatkan rangkaian jenayah rentas sempadan yang memanfaatkan kelemahan kawalan sempadan serta perbezaan sistem penguatkuasaan antara negara. Justeru, fenomena ini memperlihatkan bahawa ancaman terhadap alam sekitar mempunyai kaitan langsung dengan dimensi keselamatan manusia, keselamatan nasional dan keselamatan antarabangsa.

KESELAMATAN ALAM SEKITAR: HUBUNGKAIT DALAM MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG)

Isu berkaitan alam sekitar dijadikan sebagai antara isu penting yang diberi perhatian dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Matlamat pembangunan Mampan menjadi perhatian utama global apabila kerjasama negara-negara dipadukan dalam usaha menyelesaikan isu global sejagat. Isu-isu ini merujuk kepada beberapa objektif tindakan utama dalam usaha menangani kemiskinan, pemuliharaan planet dan usaha dalam meningkatkan suasana kondusif komuniti sejagat dari segala bentuk aspek serta nilai yang lebih positif. Terdapat 17 matlamat utama yang telah digariskan berdasarkan persetujuan di peringkat Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mana asas inisiatif ini telah bermula sejak tahun 2015 (UNDP, 2023). Pada hari ini, asas insiatif berkenaan telah direalisasikan di lembaran yang lebih besar yang memperihalkan mengenai kesan ancaman globalisasi kini, dan ia ditetapkan didalam dokumen Matlamat Pembangunan Mampan 2023. Dokumen ini mengandungi 15 tahun pelan dalam usaha merealisasikan kesemua 17 matlamat yang telah diketengahkan sebagaimana pada Rajah 2.



Rajah 2
Senarai 17 Matlamat SDG



Penekanan kepentingan isu keselamatan alam sekitar ini sejajar dengan objektif utama yang diterapkan di dalam Matlamat ke-15, merujuk kepada *Life in Land*. Matlamat ini turut menyentuh bagaimana isu pemuliharaan haiwan dari ancaman penyeludupan antara isu penting untuk sama dikekang oleh komuniti global. Perkara ini sejajar dengan petikan penyataan di bawah (UNDP, 2023);

> *"Every year, 13 million hectares of forests are lost, while the persistent degradation of drylands has led to the desertification of 3.6 billion hectares, disproportionately affecting poor communities.*
>
> *While 15 percent of land is protected, biodiversity is still at risk. Nearly 7,000 species of animals and plants have been illegally traded. Wildlife trafficking not only erodes biodiversity, but creates insecurity, fuels conflict, and feeds corruption.*
>
> *Urgent action must be taken to reduce the loss of natural habitats and biodiversity which are part of our common heritage and support global food and water security, climate change mitigation and adaptation, and peace and security."*(UNDP, 2023:1-2)

Menerusi penyataan di atas dapat dilihat bahawa isu berkaitan ancaman alam sekitar temasuk isu-isu semasa yang merujuk kepada penyeludupan haiwan liar disifatkan sebagai isu yang tidak hanya memberi ancaman ke atas biodiversiti bahkan ia disifatkan sebagai ancaman keselamatan yang mampu menggugat keselamatan dan keamanan di peringkat global. Senario ini juga memperlihatkan bagaimana hubungkait isu alam sekitar ini turut mempunyai kaitan dengan ancaman keselamatan insan, keselamatan nasional bahkan dalam skop yang lebih besar kepada keselamatan antarabangsa. Perkara ini dapat dikaitkan kembali dengan fenomena globalisasi sehingga membawa isu-isu rentas sempadan seperti pencemaran dalam skala yang besar sehingga merentasi negara jiran, tangkapan hasil lautan melepasi zon yang telah dihadkan oleh nelayan asing, termasuk salah isu yang menjadi fenomena utama utuk dikupas iaitu merujuk kepada penyeludupan haiwan liar.

ISU PEMULIHARAAN KEPADA ISU JENAYAH RENTAS SEMPADAN GLOBAL


Kerjasama antara agensi dan hala tuju dasar berkaitan keselamatan alam sekitar di Malaysia memperlihatkan pengiktirafan bahawa isu melibatkan spesies dilindungi tidak lagi boleh ditangani melalui pendekatan konservasi semata-mata (Raja Hussian, 2024). Perkembangan ini mencerminkan peralihan dasar ke arah pendekatan yang lebih komprehensif, selaras dengan dinamika jenayah rentas sempadan yang semakin kompleks. Pemuliharaan hidupan liar kini diakui sebagai cabaran global, khususnya bagi negara yang kaya dengan biodiversiti seperti Malaysia. Aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan hidupan liar bukan sahaja mengganggu keseimbangan ekosistem dan mengancam kelangsungan spesies terancam, malah turut mencetuskan implikasi keselamatan yang lebih luas (Ismail, 2024). Dalam konteks ini, Malaysia tidak mengendalikan isu tersebut secara bersendirian, sebaliknya memilih pendekatan kerjasama serantau dan antarabangsa berikutan sifat jenayah yang merentasi sempadan.

Jenayah alam sekitar telah diklasifikasikan sebagai salah satu bentuk jenayah terancang rentas negara yang semakin membimbangkan (Sadari, 2025). Hubungan antara elemen penyeludupan, pemburuan haram dan pemerdagangan hidupan liar memperlihatkan bahawa kedua-duanya merupakan komponen yang saling berkait dalam rantaian jenayah yang sama dan tidak boleh dipisahkan secara analitikal (Duffy, 2025). Justeru, penyeludupan hidupan liar

bagi tujuan pemerdagangan sewajarnya difahami dalam kerangka jenayah alam sekitar yang lebih luas.

Pengiktirafan antarabangsa terhadap keseriusan isu ini turut diperlihatkan melalui klasifikasi oleh *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC), yang menyenaraikan jenayah alam sekitar sebagai antara kategori utama jenayah rentas sempadan bersama jenayah terancang, pemerdagangan manusia, penyeludupan migran dan barangan tiruan (UNODC, 2022). Kenyataan oleh INTERPOL (2022) turut menegaskan bahawa jenayah alam sekitar sering beroperasi melalui laluan yang sama dengan penyeludupan dadah, senjata dan manusia, serta berkait rapat dengan kesalahan lain seperti rasuah, pemalsuan dokumen dan pengubahan wang haram.

Data global terkini menunjukkan bahawa antara tahun 2015 hingga 2021, perdagangan haram hidupan liar direkodkan di 162 negara dan wilayah, melibatkan hampir 4,000 spesies tumbuhan dan haiwan, termasuk lebih 3,250 spesies terancam (*World Wildlife Crime*, 2024). Sepanjang tempoh tersebut, rampasan berjumlah kira-kira 13 juta unit dan melebihi 16,000 tan berat direkodkan. Angka ini menggambarkan skala jenayah yang signifikan, namun berkemungkinan masih tidak mencerminkan tahap sebenar aktiviti penyeludupan yang berlaku. Antara spesies yang paling kerap dikaitkan dengan pemerdagangan haram ialah gading gajah, tanduk badak sumbu dan tenggiling beserta bahagiannya.



Rajah 3
Tiga komoditi Utama Yang Banyak Diseludup Secara Global Tahun 2015 Hingga 2021

Secara keseluruhannya, latar data ini membuktikan bahawa penyeludupan hidupan liar tidak lagi boleh ditanggapi sebagai isu pinggiran dalam disiplin keselamatan, sebaliknya perlu difahami sebagai manifestasi jenayah terancang rentas sempadan yang mempunyai implikasi langsung terhadap keselamatan alam sekitar.

IMPLIKASI PENYELUDUPAN HAIWAN LIAR TERHADAP KESELAMATAN ALAM SEKITAR: ANCAMAN KEDAULATAN SEMPADAN NEGARA

Kebimbangan utama berkaitan dengan sempadan fizikal yang luas turut mempengaruhi sebagai faktor yang menyumbang kepada penularan jenayah ini menjadi lebih kompleks. Akses kawasan sempadan telah mewujudkan peluang bagi rangkaian penyeludupan rentas negara agar dapat beroperasi dengan lebih berkesan. Tindakan ini juga sekali gus meningkatkan lagi aktiviti penyeludupan haiwan liar bagi tujuan pemerdagangan haram berlaku.

Perkara ini terus berkembang menjadi ancaman yang semakin membimbangkan, terutamanya apabila ia melibatkan pencerobohan sempadan yang menyalahi undang-undang yang menjejaskan kedaulatan sesebuah negara, termasuk Malaysia (Soon, 2024). Secara langsung ia mengancam keselamatan alam sekitar kerana spesies terancam diseludup secara haram merentasi sempadan untuk tujuan pemerdagangan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Pemerdagangan haiwan liar di Malaysia terus berlaku berpunca daripada wujudnya rangkaian jenayah transnasional yang mengambil kelemahan kawalan di peringkat sempadan. Kelemahan penguatkuasaan sempadan darat dan laut Malaysia yang luas, terutamanya di Sabah, memudahkan pergerakan produk haiwan liar secara haram merentasi sempadan negara (Acheh, 2025). Selain itu, kewujudan laluan tidak rasmi yang dikenali sebagai *lorong tikus* membolehkan penyeludup mengelakkan pemeriksaan pihak berkuasa dan mengurangkan risiko untuk dikesan. Laluan ini juga sering digunakan dalam aktiviti perdagangan tidak formal dan pergerakan penduduk rentas sempadan, sekali gus menjadikan usaha penguatkuasaan menjadi lebih mencabar.



Rajah 4
Rampasan spesies dan terbitan haiwan liar yang dilaksanakan oleh *Sabah Wildlife Department*

Penyeludupan hidupan liar menunjukkan ciri-ciri yang lazim dikaitkan dengan jenayah terancang rentas sempadan. Aktiviti ini tidak lagi beroperasi melalui struktur hierarki yang ketat dan berpusat, sebaliknya digerakkan oleh rangkaian yang lebih fleksibel dan bersifat adaptif. Keadaan ini membolehkan pelaku penyeludupan menyesuaikan laluan, modus operandi serta individu yang terlibat mengikut perubahan persekitaran dan tahap penguatkuasaan yang dilaksanakan (van Uhm, 2016; UNODC, 2020). Dalam konteks Malaysia, rangkaian penyeludupan ini melibatkan hubungan antara pengumpul tempatan, orang tengah dan pelaku di peringkat serantau serta antarabangsa, sekali gus membentuk rantaian aktiviti yang merentasi sempadan negara. Sifat rangkaian yang tidak berpusat ini menjadikan operasi penyeludupan lebih sukar dibendung kerana gangguan pada satu bahagian rangkaian tidak semestinya menjejaskan keseluruhan operasi.

Keadaan kawasan sempadan pula tidak boleh difahami hanya daripada sudut kelemahan penguatkuasaan semata-mata. Sebaliknya, ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kedudukan geografi, pergerakan manusia dan permintaan barangan yang tinggi, serta perbezaan sistem perundangan dan penguatkuasaan antara negara jiran. Perbezaan tersebut mewujudkan ruang dan peluang yang boleh dimanipulasi oleh sindiket penyeludupan untuk mengelakkan tindakan pihak berkuasa dan mengeksploitasi jurang bidang kuasa yang wujud (Wyatt, 2013; Shelley, 2014). Dalam hal ini, kedudukan strategik Malaysia dalam laluan perdagangan dan pergerakan serantau menjadikannya salah satu lokasi penting dalam rangkaian penyeludupan haiwan liar antarabangsa. Kes-kes yang berlaku di kawasan sempadan turut memperlihatkan bagaimana jenayah penyeludupan haiwan liar yang dilindungi semakin tertumpu di kawasan yang menjadi lambang kedaulatan sesebuah negara. Pada masa yang sama, aktiviti ini mempunyai hubungan dengan rangkaian jenayah rentas sempadan yang lebih luas, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai sebahagian daripada ancaman jenayah terancang transnasional sejajar dengan ancaman jenayah-jenayah seperti penyeludupan dadah dan manusia.


FENOMENA JENAYAH PENYELUDUPAN HAIWAN LIAR MENERUSI MEDIUM DALAM TALIAN

Penyeludupan haiwan liar melalui kaedah dalam talian kini menjadi masalah yang semakin serius dan sukar dikawal. Dengan kemajuan teknologi, penyeludup kini boleh mengiklankan dan menjual haiwan liar yang dilindungi melalui platform digital seperti media sosial, e-dagang, dan forum dalam talian. Kaedah ini memberi mereka kebebasan untuk beroperasi dengan lebih tersembunyi dan mengelakkan pengawasan pihak berkuasa. Aktiviti ini biasanya dilakukan tanpa perlu berjumpa secara fizikal, dengan transaksi dilakukan melalui pembayaran dalam talian, menjadikannya lebih sukar untuk dikesan.

Haiwan liar seperti burung eksotik, reptilia, dan mamalia terancam sering kali dijual dengan menggunakan gambar dan video yang menarik perhatian pembeli. Penyalahgunaan platform ini juga membolehkan penyeludup untuk menyembunyikan identiti mereka, dengan menggunakan akaun palsu dan rangkaian perhubungan yang tersembunyi. Hal ini menjadikan penguatkuasaan undang-undang menjadi lebih mencabar, kerana pihak berkuasa sukar untuk mengesan jejak perdagangan haram yang berlaku dalam dunia maya (Sadari, 2025).

Isu penyeludupan haiwan liar ini memberi impak besar terhadap alam sekitar. Haiwan yang diambil dari habitat semula jadi mereka untuk dijual sering kali berisiko untuk pupus (Ismail, 2024) dan ini mengancam keseimbangan biodiversiti. Kehilangan spesies-spesies ini

bukan sahaja merugikan ekosistem, tetapi juga sektor ekopelancongan yang bergantung kepada kehadiran haiwan liar untuk menarik pelancong. Selain itu, ia menjejaskan ekonomi masyarakat tempatan yang bergantung pada kelestarian alam sekitar untuk mencari nafkah.



Rajah 5
Iklan penjualan anak lutung dan burung hantu

Untuk menangani masalah ini, tindakan yang lebih tegas dan penguatkuasaan yang lebih efektif diperlukan. Perkara ini turut meliputi langkah mengawal aktiviti dalam talian serta kerjasama antara negara untuk menanggani aktiviti penyeludupan menerusi perdagangan haram ini (Ismail, 2024; Sadari, 2025). Perkara ini dapat dilihat berdasarkan beberapa kes yang berlaku seperti pada Jadual 1.

Jadual 1
Bilangan Kes Penyeludupan Haiwan Liar Yang Melibatkan Pesanan Secara Dalam Talian

Tahun	Bilangan Kes
2015	16
2016	6
2017	3
2018	4
2019	3
2020	8
2021	4
2022	4
2023	10
Jumlah	**58**

Berdasarkan data yang diberikan, bilangan kes penyeludupan atau kes berkaitan haiwan liar yang dilindungi menunjukkan perubahan dari tahun ke tahun. Pada tahun 2015, terdapat 16 kes yang dilaporkan, yang merupakan jumlah tertinggi dalam tempoh tersebut. Pada tahun 2016, bilangan kes menurun dengan ketara kepada hanya 6 kes, dan terus menurun pada tahun 2017 kepada 3 kes. Pada tahun 2018, bilangan kes sedikit meningkat kepada 4 kes, tetapi pada tahun 2019, ia kembali turun kepada 3 kes.

Namun, pada tahun 2020, jumlah kes meningkat semula kepada 8 kes, dan pada tahun 2021 serta 2022, bilangan kes kekal pada 4 kes setiap tahun. Pada tahun 2023, terdapat lonjakan semula dengan 10 kes yang dilaporkan, menjadikan jumlah keseluruhan kes sepanjang tempoh 2015 hingga 2023 sebanyak 58 kes. Tren ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat penurunan pada beberapa tahun, isu penyeludupan haiwan liar yang dilindungi masih menjadi ancaman yang perlu diberi perhatian. Peningkatan kes pada tahun 2020 dan 2023 mungkin mencerminkan peningkatan aktiviti penyeludupan menerusi medium dalam talian giat berlaku. Meskipun ada penurunan dalam beberapa tahun, jumlah keseluruhan yang tinggi tetap menggambarkan betapa seriusnya isu ini, kerana peralihan akses permintaan yang mendorong kepada berlakunya aktiviti penyeludupan yang membabitkan haiwan liar yang dilindungi kini, dapat dilaksanakan menerusi medium maya merentasi daerah, negeri bahkan negara.

KESIMPULAN

Kajian ini menghujahkan mengenai ancaman terhadap haiwan liar yang dilindungi secara spesifik, ia tidak boleh dilihat sebagai isu picisan atau tidak penting apabilamembicarakan mengenai disiplin keselamatan. Malah, fenomena ini juga tidak dapat dijelaskan hanya bersandarkan perspektif sains dan zoologi sahaja. Sebaliknya, kajian ini menunjukkan bahawa dapatan yang dikupas meletakkan ancaman terhadap haiwan liar sebagai semakin serius, khususnya apabila perbincangan turut merujuk kepada kepentingan untuk keselamatan alam sekitar sebagai isu penting dalam keselamatan global dan fenomena penyeludupan haiwan liar di Malaysia yang turut dikaitkan jenayah rentas sempadan. Apa yang lebih penting, senario ini memperlihatkan spesies tertentu diambil dari satu negara dan dipindahkan ke negara lain. Keadaan ini menjadikan fenomena tersebut semakin kompleks dan seterusnya meletakkan jenayah melibatkan haiwan liar sebagai isu yang semakin diberi perhatian, sejajar dengan kompleksiti jenayah rentas negara seperti penyeludupan manusia dan dadah.

Dari sudut teori, konsep ini memperkaya bidang Environmental Security serta literatur berkaitan *wildlife crime and security, wildlife smuggling and trade, exotic pet,* dan *Green Criminal as Transnational Crime*. Secara asasnya, literatur ini memperlihatkan bagaimana hidupan liar menjadi elemen penting dalam kajian keselamatan dan perlu diteliti dari sudut mengapa fenomena ini terus berlaku serta semakin kompleks. Dalam erti kata lain, hidupan liar tidak lagi dilihat sebagai entiti pemuliharaan semata-mata, sebaliknya kini menjadi komponen penting dalam perbahasan keselamatan yang setara dengan aktor lain seperti negara, manusia dan kumpulan berkepentingan. Hal ini juga memperlihatkan hubungan rapat antara hidupan liar dan jenayah persekitaran. Dalam konteks ini, jenayah penyeludupan hidupan liar merangkumi empat peringkat utama iaitu (1) *poaching*, (2) *smuggling*, (3) p*rocessing*, dan (4) *distribution* (Wong, 2019). Elemen-elemen ini tidak boleh dilihat secara berasingan kerana penyeludupan haiwan liar bagi tujuan pemerdagangan memperlihatkan satu bentuk kesatuan yang saling berkait dalam menjelaskan fenomena tersebut (Duffy, 2022). Dari perspektif dasar, dapat diperhatikan bahawa jenayah yang melibatkan wildlife semakin diberi perhatian, yang



seterusnya mendorong kepada pelaksanaan penguatkuasaan bersepadu bagi mengekang masalah ini.

Akhir sekali, kajian ini membuka ruang kepada agenda penyelidikan yang lebih luas berkaitan ancaman penyeludupan hidupan liar. Konsep ini wajar diberikan perhatian agar ia mendapat kedudukan yang setara dalam kajian keselamatan dan tidak lagi dianggap sebagai isu pinggiran dalam disiplin hubungan antarabangsa khusunya merujuk kepada kes di Malaysia. Secara keseluruhannya, implikasi utama kajian ini adalah memperlihatkan bahawa haiwan liar yang dilindungi bukan sekadar entiti pemuliharaan, sebaliknya merupakan komponen penting dalam spektrum keselamatan yang lebih luas. Pengiktirafan dan penanganan terhadap keterjalinan ini amat penting dalam memajukan teori keselamatan persekitaran serta merangka dasar keselamatan yang mampu menghasilkan kestabilan menyeluruh, khususnya dalam usaha menangani jenayah penyeludupan haiwan liar yang dilindungi bagi tujuan pemerdagangan.

RUJUKAN

Aboubakr, P., & Gohli, H. (2026). The Paris Climate Agreement and China's environmental policies: A pseudo-panel data model approach to analyzing the predictors of environmental policy intensity in China. *Global Policy and Governance, 12*(1). https://doi.org/10.1177/2057150X251410671

Acheh, A. (2025, 6 Ogos). *Pandangan terhadap fenomena penyeludupan haiwan liar yang dilindungi ke atas keselamatan Malaysia* [Temu bual]. Sabah Wildlife Department.

Barnett, J. (2010). Environmental security. Dalam P. Burgess (Ed.), *Handbook of new security studies* (ms. 182–191). Routledge.

Buzan, B. (1991). *People, states and fear: An agenda for international security studies in the post-cold war era* (ed. ke-2). Harvester Wheatsheaf.

Buzan, B., Wæver, O., & de Wilde, J. (1998). *Security: A new framework for analysis*. Lynne Rienner Publishers.

Carson, R. (2011). *Under the sea wind*. Open Road Integrated Media. (Karya asal diterbitkan 1941)

Convention on Biological Diversity. (2020). *Country profile: Malaysia*. https://www.cbd.int/countries/profile/?country=my

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (ed. ke-4). SAGE Publications.

Dalby, S. (2002). *Environmental security*. University of Minnesota Press.

Dexter, L. A. (2006). *Elite and specialized interviewing*. ECPR Press. (Karya asal diterbitkan 1970)

Duffy, R. (2010). *Nature crime: How we're getting conservation wrong*. Yale University Press.

Duffy, R. (2025, 25 November). *Reaching out about research on wildlife smuggling in Malaysia* [Temu bual]. University of Sheffield.

Floyd, R. (2010). *Security and the environment: Securitization theory and US environmental security policy*. Cambridge University Press.

Garber, P. A., Estrada, A., Shanee, S., Svensson, M. S., Arregoitia, L. V., Nijman, V., Shanee, N., Gouveia, S. F., Nekaris, K. A. I., Chaudhary, A., Bicca-Marques, J. C., & Hansen, M. F. (2024). Global wildlife trade and trafficking contribute to the world's nonhuman primate conservation crisis. *Frontiers in Conservation Science, 5*, Perkara 1400613. https://doi.org/10.3389/fcosc.2024.1400613

Harvey, W. S. (2011). Strategies for conducting elite interviews. *Qualitative Research, 11*(4), 431–441. https://doi.org/10.1177/1468794111404329

Homer-Dixon, T. F. (1994). Environmental scarcities and violent conflict: Evidence from cases. *International Security*, *19*(1), 5–40. https://doi.org/10.2307/2539147

Hough, P. (2004). *Understanding global security*. Routledge.

INTERPOL. (2022). *Environmental crime*. https://www.interpol.int/Crimes/Environmental-crime

Ismail, I. H. (2024, 18 Januari). *Pandangan terhadap fenomena penyeludupan haiwan liar yang dilindungi ke atas keselamatan alam sekitar Malaysia* [Temu bual]. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Kementerian Dalam Negeri. (2021). *Pelan strategik Kementerian Dalam Negeri 2021–2025*. https://www.moha.gov.my/utama/images/laporan/BUKU_PELAN_STRATEGI_KDN_2021-2025_COM.pdf

Osman, N. B., Othman, H. T., Karim, R. A., & Mazlan, M. A. F. (2014). Biomass in Malaysia: Forestry-based residues. *International Journal of Biomass & Renewables*, *3*(1), 7–14. https://doi.org/10.61762/ijbrvol3iss1art13872

Oswald, J. (1993). *Defence and environmental security*. Routledge.

Raja Hussian, R. N. (2024, 7 Januari). *Pandangan terhadap fenomena penyeludupan haiwan liar yang dilindungi ke atas keselamatan Malaysia* [Temu bual]. Kementerian Dalam Negeri.

Sadari, A. (2025, 6 April). *Pandangan terhadap fenomena penyeludupan haiwan liar yang dilindungi ke atas keselamatan Malaysia* [Temu bual]. Wildlife Crime Bureau, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri & Ketenteraman Awam PDRM (KDNKA).

Shelley, L. I. (2014). *Dirty entanglements: Corruption, crime, and terrorism*. Cambridge University Press.

Soon, A. (2024, 7 Januari). *Pandangan terhadap fenomena penyeludupan haiwan liar yang dilindungi ke atas keselamatan Malaysia* [Temu bual]. Kementerian Dalam Negeri.

United Nations Development Programme. (2023a). *Goal 15: Life on land*. https://www.undp.org/sustainable-development-goals/life-on-land

United Nations Development Programme. (2023b). *SDGs in action*. https://www.undp.org/sustainable-development-goals

United Nations Office on Drugs and Crime. (2020). *World wildlife crime report: Trafficking in protected species*. UNODC.

United Nations Office on Drugs and Crime. (2022). *Transnational organized crime: The globalized illegal economy*. UNODC.

United Nations Office on Drugs and Crime. (2024). *World wildlife crime report: Trafficking in protected species*. UNODC.

United Nations Office on Drugs and Crime. (2023). *World wildlife crime report: Supplement*. UNODC.

van Uhm, D. P. (2016). *The illegal wildlife trade: Inside the world of poachers, smugglers and traders*. Springer.

Wong, R. W. Y. (2019). The demand and supply of protected wildlife products in China. Dalam *The illegal wildlife trade in China* (ms. 1–25). Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1007/978-3-030-13666-6_1

Wyatt, T. (2013). *Wildlife trafficking: A deconstruction of the crime, the victims and the offenders*. Palgrave Macmillan.

Zhu, J., & Ilsinger, G. (2023). Political animals in the modern world: An investigation of the national animal symbol. *Studies in Ethnicity and Nationalism*, *23*(3), 267–282. https://doi.org/10.1111/sena.12396

BIOGRAFI

Muhammad Naim Ahmad Juhari, Pelajar PhD sepenuh masa di Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bidang penyelidikan merujuk kepada hubungan antarabangsa dengan pengkhususan dalam disiplin kajian keselamatan. Fokus penyelidikan semasa tertumpu kepada keselamatan alam sekitar, khususnya dalam meneliti fenomena dan isu berkaitan penyeludupan haiwan liar yang dilindungi di Malaysia.

Ramli Dollah, Profesor Madya dalam Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bidang kepakaran dan minat penyelidikan beliau merangkumi kajian keselamatan serta isu-isu migrasi dan keselamatan di Sabah. Beliau kini merupakan Felo Penyelidik di Pusat Penyelidikan Pulau-Pulau Kecil (SIRC) dan Pusat Penyelidikan Ekonomi Biru dan Keselamatan Maritim (PPEBKM). Selain itu, beliau turut berkhidmat sebagai Profesor Adjung di Program Studi Hubungan Internasional, Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Brawijaya, Malang, Indonesia.

Hafiza Nur Adeen Nor Ahmad, Pensyarah Kanan di Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari York University pada tahun 2021. Minat penyelidikan beliau tertumpu kepada bidang keganasan, usaha memerangi keganasan (*counter-terrorism*), serta isu-isu keselamatan dan hubungan antarabangsa.